

Belum ada kes keracunan disebabkan makanan laut bercengkerang di Johor

Oleh **Mohamed Farid Noh** - April 4, 2024 @ 1:05pm
farid_noh@bh.com.my



Pengerusi Kesihatan dan Alam Sekitar, Ling Tian Soon dan Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Dr Mohd Famey Yusoff ketika meninjau pengambilan sampel pelepasan efluen di kawasan sistem pengolahan efluen perindustrian dalam Ops Gempur Raya di kawasan perindustrian sekitar Iskandar Puteri, Johor. - Foto NUR AISYAH MAZALAN

ISKANDAR PUTERI: Penggemar makanan laut bercengkerang di negeri ini diminta sentiasa berwaspada termasuk memastikan warna dan bau bahan mentah itu berada pada keadaan baik, sebelum ia dibeli.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Alam Sekitar Johor, Ling Tian Soon, berkata langkah itu penting bagi memastikan tiada insiden keracunan makanan membabitkan makanan laut bercengkerang di negeri ini.

"Setakat ini di Johor masih belum menerima apa-apa laporan mengenai keracunan disebabkan makanan laut bercengkerang.

"Namun, saya menasihati orang awam berwaspada apabila membeli makanan laut bercengkerang. Harus teliti memilih termasuk lihat pada warna dan hidu supaya tiada bau yang pelik bagi memastikan kualitinya terjamin," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas Ops Gempur Raya di kawasan perindustrian Gelang Patah, di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengarah JAS Johor, Dr Mohd Famey Yusoff.

Isnin lalu, Jabatan Kesihatan Negeri, Negeri Sembilan (JKNNS) dilaporkan memaklumkan terdapat lapan kes keracunan makanan berkaitan pengambilan kupang termasuk dua kes kritikal berlaku di Port Dickson.

Pengarah Kesihatan Negeri Sembilan, Datuk Dr Harlina Abdul Rashid dilaporkan berkata, kejadian keracunan berkenaan mula dikesan sejak Ahad, apabila Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Port Dickson menerima notifikasi dari Hospital Port Dickson.

Sebanyak dua kes dilaporkan dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU), manakala lima kes dimasukkan ke wad biasa, dan satu kes dirawat sebagai pesakit luar.

Kesemua kes mengalami gejala sakit kepala, kebas tangan dan kaki, serta lemah otot manakala dua kes dimasukkan ke ICU kerana mengalami gejala yang lebih teruk iaitu paralisis.

Keputusan makmal bagi sampel kupang dan air laut yang diambil susulan kejadian kes keracunan makanan berkaitan pengambilan haiwan laut itu di Port Dickson dijangka diketahui esok.

Pada 2019, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dilaporkan mengeluarkan amaran kepada penggemar makanan laut bercengkerang terutama di kawasan Pantai Barat Semenanjung supaya mengurangkan pengambilan makanan jenis itu berikutan risiko dijangkiti penyakit akibat keracunan logam berat.

Pensyarah Kanan Program Biologi Marin, Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Madya Dr Ong Meng Chuan dilaporkan berkata menerusi kajian yang dijalankan pasukannya, pencemaran logam berat seperti arsenik, kadmium, plumbum dan merkuri banyak dikesan di kawasan muara sungai dan pelabuhan di sepanjang Selat Melaka.

Katanya, antara kawasan yang dikesan berisiko menghadapi pencemaran logam berat itu adalah sekitar pelabuhan di perairan Johor, Pelabuhan Klang dan muara sungai di Pulau Pinang.